



AGENSİ PENGUATKUASAAN MARİTİM MALAYSİA
ZON MARİTİMLABUAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERİ
NO. JKR 214 P, KM1.5 JALAN PATAU-PATAU
87000 WİLAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



Telefon: 087-453777
Faks: 087-452999
Laman Web : www.mmea.gov.my

Ruj. Kami :APMM.DM14.100-10/3/5 (6)

Tarikh : 17 Mac 2023

SIARAN MEDIA

BOT KARGO KECİL DİTAHAN, KESALAHAN Dİ BAWAH ORDİNAN PERKAPALAN SAUDAGAR 1952 (MSO)

LABUAN, 17 Mac – Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Zon Maritim Labuan telah menahan sebuah bot kargo kecil di kedudukan 0.4 batu nautika barat laut Pulau Papan, awal pagi tadi.

Pengarah Zon Maritim Labuan, Kepten Maritim Nudin bin Jusoh berkata, bot peronda Maritim Malaysia yang sedang dalam rondaan Op Sejahtera dan Op Khas Kuda Laut telah melakukan pemeriksaan rutin terhadap bot kargo tersebut serta didapati telah melanggar syarat lesen (Domestic Shipping License).

Semasa diperiksa, bot kargo kecil dikendalikan oleh seorang pemandu bot dan telah membawa enam orang penumpang warganegara Malaysia dan Filipina serta berumur dalam lingkungan 29 hingga 45 tahun.

Kes disiasat di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (MSO) kerana disyaki membawa penumpang menggunakan lesen bot kargo.

Bot terbabit telah ditahan serta pemandu bot dan penumpang dibawa ke jeti Zon Maritim Labuan untuk siasatan lanjut.

Maritim Malaysia tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak dan akan mengambil tindakan undang-undang ke atas sebarang aktiviti atau salahlaku jenayah di laut. Orang ramai boleh menghubungi Pusat Operasi Zon Maritim Labuan di talian 087-453777 atau MERS 999 yang beroperasi 24 jam.

-TAMAT-

Sekiranya ada sebarang pertanyaan sila hubungi:

Lk (M) Mohamad Rafie Bin Rifin
Pegawai Perhubungan Awam
No. Tel : 018-9462463
Email : rafierifin@mmea.gov.my